



*Sila nyatakan rujukan bilangan kami
apabila menjawab.*

SUKJ.BKP. 100-1/8/8JLD3()
19 April 2017

Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Badan-Badan Berkanun
Semua Agensi Swasta dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan

YB Dato' / YBhg. Datuk / YBM Tunku / Tuan / Puan,

**PENGISYTIHARAN HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA ISTIADAT
PERTABALAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
XV SULTAN MUHAMMAD V**

Dengan hormatnya perkara diatas dirujuk dan kenyataan akhbar dari Jabatan Perdana Menteri Malaysia bertarikh 03 April 2017.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah memutuskan supaya Hari Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V pada hari Isnin, 24 April 2017 diisytiharkan sebagai hari kelepasan am tambahan bagi seluruh negara.

3. Seterusnya pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369], Pihak Berkuasa Negeri Johor telah menetapkan **24 April 2017** sebagai hari kelepasan am tambahan di Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)
Setiausaha Kerajaan
Johor